

01 DEC 2001

Fokus-AIDS

KEKURANGAN DANA BANTUT USAHA PERANGI AIDS/HIV

Oleh: Gurdial Singh

PULAU PINANG; -- Dana yang tidak mencukupi, kos rawatan yang tinggi dan sikap masyarakat terhadap HIV/AIDS membantut usaha kerajaan memerangi gejala itu.

Presiden Persatuan Perancang Keluarga Pulau Pinang (PFPA) Tunku Datuk Dr Ismail Md Jewa berkata, penyakit yang boleh membawa maut itu telah menjadi masalah global dan penyebaran serta kawalan perlu diberi penuh perhatian.

Dengan bilangan penghidap AIDS di seluruh dunia sekarang sudah melebihi angka 30 juta, beliau menekankan HIV/AIDS tidak harus diketepikan dan pendidikan berterusan di kalangan guru-guru sekolah, para pendidik dan pekerja sukarela mengenai penyakit itu amat perlu untuk membendung gejala itu.

Katanya, sudah tiba masanya untuk meningkatkan pendidikan kepada golongan itu agar mereka pula dapat memainkan peranan mendidik para pelajar dan orang ramai.

Menurut Dr Tunku Ismail, penglibatan aktif PFPA dan anggota-anggotanya dalam program kesedaran mengenai AIDS melalui seminar, persidangan dan penyebaran maklumat kepada orang awam merupakan sebahagian sumbangannya kepada persatuan, selain meneruskan aktiviti perancangan keluarga.

Kedua-duanya saling berkaitan, ada kena-mengena dengan hubungan seksual dan masalah AIDS, katanya.

Menurutnya, persidangan para pemimpin Kumpulan Lapan (G-8) di Genoa, Italy baru-baru ini mengumumkan sebanyak US\$1.2 bilion (RM4.56 bilion) diperuntukkan untuk "Tabung Kesihatan Global" Bangsa-bangsa Bersatu yang akan digunakan untuk memerangi AIDS/HIV.

16,000 DIJANGKITI HIV SEHARI

Secara global, katanya, kadar harian jangkitan baru dianggarkan 16,000 orang, manakala jumlah mereka yang hidup dengan HIV/AIDS seluruh dunia pada akhir 1997 dianggarkan lebih daripada 30 juta -- satu angka yang amat mengerutkan.

Beliau memetik kenyataan Datin Paduka Marina Mahathir, Pengerusi Yayasan Aids Malaysia (MAF) yang mengatakan masalah utama sebenarnya ialah "penafian" oleh mereka yang dijangkiti penyakit itu berikutan penyisihan masyarakat mengakibatkan angka sebenar pengidap AIDS sukar diperolehi dan ramai yang menderita dalam senyap.

Tambahnya, statistik MAF menunjukkan kira-kira 4,000 daripada 40,049 orang yang dijangkiti HIV di negara ini mati kerana AIDS daripada 1986 hingga April 2000.

Namun bilangannya bertambah pada kadar yang mencemaskan, katanya.

Bagaimanapun, berbanding dengan negara lain, pesakit AIDS dan HIV di Malaysia mempunyai kemudahan rawatan lebih baik dan kos rawatan yang rendah, disebabkan wujudnya kerjasama dan sumbangan sektor swasta.

Dr Tunku Ismail menegaskan rawatan yang berpatutan adalah perlu untuk mangsa-mangsa AIDS untuk mengelaknya daripada terus meningkat.

RAWATAN MURAH

Beliau memuji sikap yang memberangsangkan yang ditunjukkan pengilang-pengilang ubat gergasi seperti Bristol-Meyers-Squibb, Glaxo, Merck, Boehringer Ingelheim dan Roche Holding yang bersetuju mengurangkan harga ubat untuk AIDS bagi negara-negara membangun.

Kini, kerajaan sedang berusaha untuk mendapatkan kos rawatan yang berpatutan dan pendidikan menerusi Kementerian Kesihatan di hospital-hospitalnya dan melalui risalah, brosur, seminar, bengkel dan persidangan melalui pertubuhan bukan kerajaan (NGO) seperti MAF, PFFPA dan sektor swasta untuk mendidik masyarakat mengenai penyakit itu, katanya.

Menurutnya, dana yang ada untuk tujuan itu tidak mencukupi kerana ia melibatkan kos yang tinggi, termasuk kos ubat yang hanya diperolehi daripada pengilang-pengilang dari negara barat dengan harga yang tinggi.

Malah, katanya, sumbangan penderma tempatan juga tidak cukup untuk menampung perbelanjaan yang tinggi yang diperlukan untuk memerangi penyakit itu, apatah lagi Bangsa-bangsa Bersatu ada menyebut bahawa penyakit itu menelan belanja yang tinggi untuk semua.

Dr Ismail bagaimanapun berkata, beliau tidak pasti dengan kos sebenar ubat untuk merawat AIDS cuma menyebut laporan yang menyatakan bahawa sebijik ubat yang dikeluarkan Glaxo berjenama "Combivir" yang terpaksa diambil setiap hari berharga AS\$2 di pasaran Timur Jauh.

Namun demikian, katanya, beberapa NGO percaya jika ubat untuk merawat HIV/AIDS dikeluarkan pada kos yang rendah, ia mungkin masih sukar untuk sampai ke tangan mereka yang memerlukan, sama ada kerana kehidupan mereka yang melarat dan terlalu daif atau kerana buta huruf.

PESAKIT ENGGAN MENGAKU

Menyulitkan lagi keadaan ialah adanya pesakit AIDS yang enggan mengakui keadaan itu kerana stigma kebudayaan dan sosial, jelasnya.

Dr Tunku Ismail menegaskan pendidikan pencegahan yang menekankan perlunya hubungan seks yang lebih selamat, terutama di kalangan penduduk luar bandar, harus berada di barisan pertama dalam usaha memerangi AIDS.

Bagaimanapun, beliau mengingatkan bahawa sensitiviti budaya masyarakat perlu diambil kira kerana ia masih menjadi satu pantang larang untuk membicarakan soal seks secara terbuka. -- Bernama

GS KGO RR AM